



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Aras 7, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 Putrajaya

Tel. : 03-88890000  
Faks. : 03-88903087  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : JPWPP.100-2/2/2 Jld. 6 ( )  
Tarikh : 4 Julai 2020

**XUSED WORLDWIDE SOLUTIONS SDN. BHD.**

2-19-01 Worldwide @ 7  
Jalan Lazuardi 7/29  
40000 Shah Alam  
Selangor.



Tuan,

**PERMOHONAN MELAKSANAKAN TAKLIMAT BERSAMA SEKOLAH UNTUK PENGGUNAAN APLIKASI ME12PAY UNTUK REKOD KEHADIRAN DAN SARINGAN SUHU PELAJAR DAN GURUSECARA DIGITAL DALAM PEMATUHAN GARIS PANDUAN (SOP) PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH (TANPA KOS TAMBAHAN KEPADA SEKOLAH ATAU PELAJAR)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Jabatan ini **tiada halangan** kepada pihak tuan untuk berurusan dengan **pihak pentadbir di sekolah** seperti permohonan tuan kepada pihak kami. Kelulusan ini **terhad untuk urusan dengan pentadbir sekolah** bagi hal-hal yang berkaitan tanpa sebarang unsur paksaan dan implikasi kewangan kepada mana-mana pihak.

3. Kelulusan ini juga adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5 Tahun 2018 - Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. Aspek kebajikan dan keselamatan murid hendaklah diutamakan seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8/2009 dan Bilangan 7/1988. Sehubungan dengan itu, pihak tuan perlu memastikan syarat-syarat berikut adalah dipatuhi:

- 3.1 Mendapat kebenaran daripada Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah yang terlibat;
- 3.2 Mengadakan perbincangan dengan Pengetua/ Guru Besar sekolah-sekolah yang terlibat dalam pelaksanaan program ini;
- 3.3 Surat kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan dari mana-mana pihak berkenaan;
- 3.4 **Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;**
- 3.5 Pihak sekolah **tidak boleh dipaksa** untuk menerima program yang ditawarkan oleh pihak tuan;
- 3.6 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;

**PERMOHONAN MELAKSANAKAN TAKLIMAT BERSAMA SEKOLAH UNTUK PENGGUNAAN APLIKASI ME12PAY UNTUK REKOD KEHADIRAN DAN SARINGAN SUHU PELAJAR DN GURU SECARA DIGITAL DALAM PEMATUHAN GARIS PANDUAN (SOP) PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH (TANPA KOS TAMBAHAN KEPADA SEKOLAH ATAU PELAJAR)**

Ruj. Kami : JPWPP.100-2/2/2 Jld. 6 ( )

Tarikh : 17 Julai 2020

- 
- 3.7 Tiada implikasi kewangan kepada Jabatan Pendidikan Negeri, sekolah , guru dan murid yang terlibat;
- 3.8 **Pihak penganjur dilarang untuk mempromosikan sebarang program/aktiviti luar sekolah yang melibatkan bayaran;**
- 3.9 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut; dan
- 3.10 Jabatan ini berhak menarik balik kelulusan ini sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia yang sedang berkuatkuasa.
4. Untuk makluman tuan, pihak Jabatan sedang berusaha Melindungi Masa Instruksional (MMI), yakni masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, pihak kami mencadangkan supaya penyertaan murid-murid bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.
5. Kelulusan ini [**Permohonan Melaksanakan Taklimat Bersama Sekolah Untuk Penggunaan Aplikasi ME12PAY Untuk Rekod Kehadiran Dan Saringan Suhu Pelajar Dn Guru Secara Digital Dalam Pematuhan Garis Panduan (SOP) Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah (Tanpa Kos Tambahan Kepada Sekolah Atau Pelajar)**] adalah untuk tujuan yang dimohon sahaja dan **luput selepas tarikh 30 September 2020**.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menandatangani amanah,

  
**(HAJAH FARIZAH BINTI HAJI AHMAD)**

Pengarah

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya